| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tuju puncak | | |
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 17 Nov 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 12,13 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1596 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,714 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 47,143 |




# Tuju puncak

Aktiviti mendaki kembali meriah susulan kelonggaran sekatan dalam Pelan Pemulihan Negara. Banyak puncak di Selangor menjadi tumpuan penggemar sukan lasak itu.

Seperti lazim aktiviti ini memerlukan kebenaran pihak berkuasa memandang kebanyakan kawasan pendakian dalam hutan simpanan kekal.

Permit boleh dimohon daripada pegawai hutan daerah dengan bayaran RM5 setiap individu. Layari forestry.selangor.gov.my untuk mengetahui alamat dan nombor telefon Pejabat Hutan Daerah. Wartawan NADIAH ZAMLUS menyenaraikan lokasi popular aktiviti mendaki di Selangor.



Gambar ehsan Razi Yyusoff





Gambar ehsan Mohd Shamin

**GUNUNG SEMANGKUK**
HULU SELANGOR

- ketinggian 1,824 meter
- tertinggi di Selangor
- terletak di sempadan Selangor dan Pahang
- kes pendaki sesat kali terakhir dilaporkan pada 27 Disember 2015

**GUNUNG NUANG**
HULU LANGAT

- ketinggian 1,493 meter
- ada tapak perkhemahan Kem Pacat dan Kem Lolo
- perjalanan ke puncak ambil masa sekitar lima hingga lapan jam
- terdapat air terjun di kaki gunung
- pada 13 Januari 2018, seorang lelaki dipercayai maut tertimbus tanah ketika mendaki

**GUNUNG ULU SEMANGKUK**
HULU SELANGOR

- ketinggian 1,394 meter
- berdekatan dengan pusat peranginan Bukit Fraser
- pendaki terlebih dahulu akan melalui puncak Gunung Gap yang berketinggian 1,183 meter
- boleh melihat keindahan matahari terbit seawal jam 4 pagi

**GUNUNG HITAM**
HULU LANGAT

- ketinggian 1,220 meter
- terdapat laluan hutan buluh
- miliki Air Terjun Sungai Leweng
- terletak berdekatan ialah restoran terapung ikan bakar

**BUKIT KUTU**
HULU SELANGOR

- ketinggian 1,053 meter
- terletak berdekatan ialah Air Terjun Lata Medang
- terdapat Gua Batu Tedung, batu di bahagian luar gua berbentuk seakan kepala ular yang sedang mengembang
- pemandangan Banjaran Titiwangsa
- boleh melihat Empangan Sungai Selangor dan pekan Kuala Kubu Bharu

**BUKIT CHENUANG**
HULU LANGAT

- ketinggian 850 meter
- boleh diakses dari Hutan Lipur Sungai Congkak
- mempunyai tanda arah jelas
- terdapat anak sungai sepanjang perjalanan

**BUKIT BATU KUMBANG**
HULU LANGAT

- ketinggian 675 meter
- terletak di Hutan Simpan Hulu Langat
- boleh didaki dari Sungai Congkak, Hulu Langat
- berdekatan Air Terjun Batu Hampar
- mempunyai air terjun yang dinamakan Air Terjun Maya Karin dan Air Terjun Neelofa

**BUKIT BROGA**
HULU LANGAT

- ketinggian 400 meter
- pada 2017 Kerajaan Selangor mewartakan sebagai kawasan rekreasi
- laluan pendakian yang landai menjadi tarikan utama
- juga lokasi popular pengantin bergambar

**BUKIT SAGA**
HULU LANGAT

- ketinggian 420 meter
- terletak di Taman Saga, Ampang
- lokasi popular bagi pendaki baharu
- boleh mendaki ke Air Terjun Bukit Saga

**DENAI TIGA PUTERI**
PETALING

- ketinggian kira-kira 300 meter
- terletak di Hutan Simpan Komuniti Kota Damansara
- menyajikan pemandangan Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE) dan Kota Damansara
- terdapat tiga denai utama sebelum sampai ke puncak iaitu Denai Temuan, Sahabat dan Unity

**BUKIT BOTAK**
PETALING

- ketinggian kira-kira 214 meter
- akan melalui puncak Bukit Cherakah sebelum sampai ke lokasi ini
- laluan di bawah pencawang elektrik menjadi lokasi utama orang ramai bergambar
- kawasan bukit dipenuhi tanah merah dan berbatu

**BUKIT SAPU TANGAN**
PETALING

- ketinggian 200 meter
- dalam kawasan Taman Botani Shah Alam
- laluan berturap dengan tar
- terdapat menara tinjau di kawasan puncak
- berdekatan dengannya adalah Tasik Cermin Shah Alam

**BUKIT GASING**
PETALING

- ketinggian bukit ini sekitar 160 meter
- mempunyai trek berpusing membawa ke tempat sama
- menyajikan panorama indah Kuala Lumpur
- setiap laluan membawa ke jambatan gantung, menara pengawal dan kuil Hindu

Powered by: iSENTIA

| Headline | Tuju puncak | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 17 Nov 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 12,13 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1596 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,714 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 47,143 |

**BUKIT TABUR**
GOMBAK

- ketinggian 396 meter
- nama lain bagi Bukit Tabur adalah Klang Gates Quartz Ridge
- pemandangan indah Empangan Hulu Kelang di bahagian utara dan bandaraya Kuala Lumpur di bahagian selatan.
- boleh melihat mineral kuarza yang cantik di kawasan itu

**BUKIT SUNGAI LONG**
HULU LANGAT

- ketinggian kira-kira 200 meter
- sebahagian laluan adalah jalan raya
- juga boleh berbasikal di sini
- terdapat tarikan batu berbentuk harimau dipanggil 'Lion King Rock'
- menjadi tempat pengunjung melihat matahari terbenam




**BUKIT JUGRA**
KUALA LANGAT

- ketinggian 120 meter
- pemandangan puncak mengagumkan
- boleh melihat rumah api dan pertemuan air Sungai Langat dengan Selat Melaka

**TAMAN RIMBA TEMPLER**
GOMBAK

- merupakan kawasan hutan simpan seluas 1,214 hektar
- perlu mendaki selama sejam untuk ke puncak
- boleh bermalam di Templer Park Country Club

**AIR TERJUN KANCHING**
GOMBAK

- setinggi 208 meter
- terletak dalam Taman Eko Rimba Kanching



- terdapat tujuh strata air terjun (lata atau jeram)
- laluan bertangga dan bersimen

**AIR TERJUN SUNGAI PISANG**
GOMBAK

- perlu menyeberang sungai dan meredah hutan berusia 100 tahun untuk sampai ke air terjun
- pendaki akan melalui terowong Sungai Pisang yang terletak di bawah Lebuhraya Karak
- terowong ini popular sebagai lokasi bergambar

**TITIAN KANOPI**
FRIM KEPONG, GOMBAK

- terdapat enam denai iaitu keruing, trek rover, denai engkabang, denai sebasah, denai Salleh dan laluan berjalan kaki Razak
- terdapat kawasan perkelahan air terjun

**AIR TERJUN SUNGAI CHILING**
HULU SELANGOR

- perlu merentasi lima anak sungai untuk ke puncak air terjun
- perlu melepasi titi gantung untuk melihat panorama air terjun bertingkat
- mempunyai tiga paras air terjun tetapi hanya dibenarkan ke paras pertama manakala dua paras selebihnya tidak dibuka kepada orang awam

**AIR TERJUN LATA MEDANG**
HULU SELANGOR

- terletak dalam perkampungan Orang Asli iaitu Kampung Pertak
- perlu mendaki untuk ke kawasan air terjun
- terdapat tempat untuk berkhemah

Powered by: iSENTIA